

Headline	T`ganu dan FRIM bekerjasama kenal pasti pokok berisiko		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	19 Oct 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	15	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	193 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,252
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 3,755



## T`ganu dan FRIM bekerjasama kenal pasti pokok berisiko

**KUALA NERUS:** Kerajaan Terengganu dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menilai pokok-pokok di sekitar jalan utama dan kawasan rekreasi di negeri ini sebelum ia ditebang.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, penilaian itu dibuat bagi mengambil kira keselamatan orang awam dan faedah pokok yang ditanam itu kepada alam sekitar.

“Pihak berkuasa tempatan (PBT) dan FRIM akan bekerjasama untuk membuat penilaian terhadap pokok-pokok yang berisiko kerana kami tidak boleh mengambil tindakan drastik dengan terus menebangnya.

“Beberapa orang pegawai daripada FRIM juga telah datang ke Terengganu untuk membuat penilaian dan keputusan akan dibuat dalam masa terdekat ini.

“Ini kerana kita perlu faham bahawa pokok-pokok ini memberi manfaat kepada persekitaran termasuk membekalkan oksigen dan sebagainya,” katanya kepada pemberita pada Pertandingan Membuat Bubur Asyura anjuran Pejabat Daerah Kuala Nerus.

Turut hadir, Pegawai Daerah Datuk Tengku Farok Hussin Tengku Abdul Jalil.

Pada 7 Okt lalu dua termasuk seorang pelajar maut manakala tiga yang lain parah

selepas dua kenderaan dinaiki dihempap dahan pokok di Jalan Batu Rakit, di sini.

Susulan itu Kerajaan Terengganu meluluskan peruntukan segera RM50,000 untuk kerja mencantas dahan pokok yang boleh mengundang bahaya di sekitar Batu Rakit di Kuala Nerus.

Kerja mencantas dahan pokok di sepanjang jalan sejauh kira-kira dua kilometer bermula dari Kampung Mengabang Lekor kesimpang tiga Pengkalan Atap dijangka mengambil masa sebulan.

Dalam pada itu Ahmad Razif berkata, pada masa ini PBT giat merapikan pokok-pokok yang berada di jalan utama sekitar negeri ini dengan mencantas dan memberisih supaya keselamatan orang awam terjamin.

Katanya sekiranya pokok berkenaan memberi risiko kepada orang awam, maka ia akan ditebang secara berperingkat-peringkat, manakala bagi yang kurang berisiko ia akan dirapikan dengan mencantas mana-mana dahan yang tidak diperlukan.

Sementara itu, pada majlis itu 117 pasukan yang terdiri daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (J3K) seluruh Kuala Nerus serta beberapa badan bukan kerajaan turut menyertai pertandingan itu yang bertemakan ‘Cara Lama Dimensi Baharu’.

— Bernama